



HARIS FADZILAH HASSAN menunjukkan model kawasan MRT di ibu pejabat MRT Corp di Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/FARID JANUDIN

MRT: Penyertaan bumiputera capai 50%

Oleh AZMAN IBRAHIM
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 NOV.

PENYERTAAN bumiputera dalam projek Mass Rapid Transit Lembah Klang (KVMRT) jajaran Sungai Buloh-Kajang melebihi sasaran yang ditetapkan kerajaan dengan statistik terkini syarikat menunjukkan penglibatan bumiputera sebanyak 50 peratus dengan nilai kontrak RM10.5 bilion dan 250 pakej kerja.

Kerajaan sebelum ini menetapkan sasaran penglibatan bumiputera dalam projek KVMRT sekurang-kurangnya 43 peratus dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM8.5 bilion.

Pengarah Hubungan Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Haris Fadzilah Hassan berkata, daripada RM10.5 bilion yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera, RM200 juta daripadanya dikhaskan untuk syarikat-syarikat kontraktor kelas D, E dan F.

Katanya, MRT Corp mengutamakan penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar

dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai operasi perniagaan berhampiran projek atau di sepanjang jajaran projek.

“Daripada 3,770 syarikat kontraktor bumiputera yang disenaraikan oleh Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kerja Raya yang kini dikenali Bahagian Pembangunan Kontraktor Usahawan (BKPU), 545 buah syarikat dipilih untuk diberikan kontrak.

“Proses penilaian dilakukan secara teliti selama tiga bulan oleh MRT Corp, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan Bahagian Pembangunan Usahawan kini digabungkan dengan PKK dan menjadi BKPU sebelum kontrak projek ditawarkan,” katanya kepada Utusan Malaysia di ibu pejabat MRT Corp di sini baru-baru ini.

Sebanyak 250 pakej kerja ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera di bawah projek KVMRT jajaran Sungai Buloh-Kajang, 121 daripadanya sudah ditawarkan kepada kontraktor manakala baki 129 pakej kerja lagi dalam proses pemberian kontrak yang akan berlangsung sekarang sehingga tamat projek pada 2016.

Tambah Haris Fadzilah, matlamat MRT Corp adalah untuk menin-

gkatkan penglibatan syarikat-syarikat bumiputera dalam projek-projek rel bernilai tinggi di Malaysia.

Katanya, setelah syarikat-syarikat itu menyertai projek KVMRT, sekurang-kurangnya menjadi rekod pengalaman dan pendedahan itu amat berguna kepada mereka untuk menjalankan projek-projek bernilai tinggi pada masa akan datang.

“Saya difahamkan Malaysia komited untuk membangunkan sistem rel bernilai RM160 bilion menjelang 2020. Peluang itu diharap dapat digunakan oleh syarikat-syarikat kontraktor yang pernah terlibat dengan projek KVMRT ini untuk memperluaskan kepakaran yang dimiliki mereka,” ujarnya.

Haris Fadzilah berkata, MRT Corp turut mengambil inisiatif dengan menjalankan Program Usahawan Graduan Muda dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB) dengan memilih 20 siswazah untuk memulakan perniagaan dalam bidang berkaitan teknikal.

Matlamat program itu adalah untuk memastikan kalangan usahawan siswazah ini supaya turut sama menyertai projek KVMRT bagi jajaran Sungai Buloh-Kajang dan dua lagi jajaran baharu, kata beliau.